

**Anatomi sinus paranasal**

→ Sinus atau rongga pada tulang muka terbahagi kepada empat ruang, mengelilingi kaviti hidung dikenali sebagai:

1. Sinus maksila (di bawah mata di kedua-dua ruang pipi).
2. Sinus fronta (di atas mata pada kedua-dua dahi).
3. Sinus Ethmoidal (antara mata)
4. Sinus sphenoidal (di belakang pangkal hidung).

**Gejala Resdung**

- Hidung sering tersumbat.
- Lendir dari hidung dan tekak.
- Sakit atau rasa berat muka terutama kawasan di antara mata.
- Sakit tekak berpanjangan, berulang.
- Demam atau rasa tidak sedap badan berpanjangan.
- Gejala alahan hidung seperti bersin dan gatal hidung.

**Golongan berisiko**

- Mereka yang alah habuk dan makanan yang menyebabkan hidung tersumbat.
- Mereka yang sensitif dengan perubahan cuaca yang mendadak.
- Mempunyai ketumbuhan seperti polip dalam hidung.
- Mempunyai kelainan (abnormaliti) dalam hidung seperti septum dinding pemisah hidung yang bengkok.
- Mereka yang mempunyai struktur asas dalam hidung seperti turbinat yang besar, berisiko mendapat resdung kerana menyebabkan ostia sinus tersumbat.

**Komplikasi resdung**

- Jarang mengancam nyawa.
- Resdung kronik mengganggu kehidupan, komunikasi, kualiti kerja, tidur (dengkur yang kuat).
- Selesma berpanjangan serta hidung tersumbat mengganggu pernafasan


serta berkait rapat dengan mereka yang mengalami serangan asma.  
→ Polip atau ketumbuhan dalam hidung memerlukan pembedahan kerana ubatan biasa sukar menyembuhkan.

**Komplikasi teruk dan jarang berlaku**

- Nahan dari rongga sinus merebak ke mata dan kawasan otak.
- Boleh menyebabkan kerosakan mata, sawan dan mungkin kematian jika tidak dirawat segera.

**Rawatan**

- Ubat makan (antihistamin).
- Semburan ubat steroid ke dalam hidung.
- Antibiotik (sekiranya perlu).
- Pembedahan endoskopik bagi jangkitan sinus kronik (membuka laluan sinus tanpa hirisan pada kulit. (polip yang tidak pulih selepas rawatan optimum).



# Resdung tiada kaitan dengan cacing, ulat

➔ Punca serangan disebabkan kesan alahan, jangkitan kuman

**Oleh Halina Mohd Noor**  
halina\_mdnoor@nstp.com.my

**R**esdung adalah satu keadaan atau penyakit disebabkan keradangan atau jangkitan rongga sinus iaitu rongga pada tulang muka yang terletak pada hidung, pipi dan dahi.

Serangan berkenaan boleh disebabkan alahan, jangkitan kuman seperti bakteria, virus dan kulat.

Ketika serangan radang kawasan berkenaan menjadi gatal, keluar lendir kekuningan dari hidung, pipi menjadi bengkak dan keadaan nafas yang berubah. Penghidap resdung juga sering mengalami demam, batuk dan sentiasa rasa berkahak.

Pakar Perunding Bedah ortorinolaringologi, Hospital Pakar KPJ Selangor, Dr Mohd Zabri Affendi Muhammad, berkata resdung bukanlah disebabkan oleh ulat atau cacing seperti dakwaan sesetengah pihak.

Serangan itu juga kata beliau, tidak ada sebarang kaitan dengan cacing atau ulat dalam rongga sinus kerana punca utama resdung adalah jangkitan kuman atau alahan.

**Rawatan tradisional sekadar melegakan sementara**  
"Malah pelbagai rawatan tradisional yang banyak ditawarkan tiada bukti saintifik yang menyatakan kaedah itu berkesan," katanya.

Sekiranya ubatan itu berkesan sekalipun Dr Mohd Zabri berkata, adalah disebabkan ubat herba yang berkemungkinan mengandungi steroid yang hanya sekadar melegakan resdung untuk tempoh jangka pendek.

Kandungan steroid yang tidak diselia bahagian farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia itu katanya, boleh memudaratkan jika diamalkan secara berterusan.

"Serangan resdung dibahagikan kepada dua kategori iaitu rhinitis dan sinusitis. Rhinitis terbahagi kepada jenis alahan dan jenis bukan alahan. Majoriti pesakit mengalami jenis resdung berkait rapat dengan alahan.

"Resdung jenis bukan alahan berpunca daripada ubat-ubatan (pengambilan ubat darah tinggi atau sakit jantung berpanjangan), hormon (pengambilan hormon) dan jenis pekerjaan.

"Gejala rhinitis paling kerap menyerang antaranya sering selesema, hidung tersumbat, bersin berterusan pada satu masa, gatal pada mata, hidung dan telinga selain kerap berkahak serta batuk yang sukar pulih," katanya.

**Sinus akut, kronik**

Sinusitis pula kata beliau, terbahagi kepada dua jenis iaitu sinusitis akut dan kronik. Sinusitis akut terjadi apabila simptom sinusitis berlarutan dalam tempoh sehingga tiga minggu. Sekiranya



Serangan resdung dibahagikan kepada dua kategori iaitu rhinitis dan sinusitis. Rhinitis terbahagi kepada jenis alahan dan jenis bukan alahan. Majoriti pesakit mengalami jenis resdung berkait rapat dengan alahan"

**Dr Mohd Zabri Affendi Muhammad,**  
Pakar Perunding Bedah ortorinolaringologi,  
Hospital Pakar KPJ Selangor

simptom sinusitis melebihi tiga bulan, serangan itu menyebabkan berlakunya sinusitis kronik.

"Punca utama menyebabkan bakteria membiak disebabkan oleh pintu rongga sinus tersumbat akibat radang pada hidung, ketumbuhan atau polip pada hidung, jangkitan menyerang gigi geraham atas dan kemungkinan masalah genetik.

"Radang berlaku akibat jangkitan kuman dan alahan yang menyebabkan dinding hidung membengkak seterusnya menutup pintu sinus," katanya.

Beliau berkata, ada juga kes disebabkan oleh kesan daripada serangan polip atau ketumbuhan dalam hidung yang kerap terjadi pada sinusitis kronik. Keadaan itu menutup pintu bukaan rongga sinus (ostia) menyebabkan cecair daripada rongga sinus tidak dapat keluar dan bertakung seterusnya bakteria membiak hingga terjadinya sinusitis.

Jangkitan pada gigi geraham atas yang mana akar umbinya berada di sinus maxilla (berdekatan hidung dan tulang pipi) juga boleh menyebabkan berlaku sinusitis.

Apabila seseorang mengalami sakit gigi, jangkitan tersebut akan merebak ke akar gigi dan masuk ke dalam rongga sinus. Keadaan ini berlaku sekiranya gigi yang bermasalah itu tidak dikeluarkan sepenuhnya ketika mencabut gigi, akarnya tertapat dan tertinggal.